

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN R. SIVARASA [SUNGAI BULOH]

SOALAN

TUAN R. SIVARASA [SUNGAI BULOH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan yang perlu dipinda dan/atau dimansuhkan untuk pelaksanaan penuh hak undi untuk pengundi berumur 18 tahun dan ke atas dan juga pendaftaran sebagai seorang pengundi secara automatik.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang dalam persiapan untuk melaksanakan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik.
2. Persiapan yang sedang dibuat oleh SPR bagi pelaksanaan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik adalah meliputi:
 - (i) pindaan kepada peraturan dan undang-undang yang berkaitan;
 - (ii) penyediaan *standard operating procedures* (SOP); dan
 - (iii) penyediaan sistem serta infrastruktur.
3. Susulan pindaan kepada Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan di bawah Akta Perlembagaan (Pindaan) 2019 [Akta A1603] berkaitan umur pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik, maka pindaan kepada peraturan-peraturan perundangan subsidiari adalah seperti berikut:
 - (i) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002; dan
 - (ii) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR]

SOALAN

TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci jumlah peruntukan yang disalurkan kepada Kerajaan Negeri Perak untuk penyelenggaraan jalan negeri di bawah Kumpulan Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Perak (MARRIS) bagi tahun 2020 sehingga 2021. Huraikan secara terperinci mengikut daerah masing-masing.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri atau lebih dikenali sebagai Pemberian MARRIS, merupakan ketetapan di bawah Peruntukan Perkara 109(1)(b), Perlembagaan Persekutuan yang bertujuan membantu Kerajaan Negeri menyenggara jalan negeri di negeri masing-masing. Pemberian MARRIS ini disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan secara terus kepada Kerajaan Negeri pada setiap bulan. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri hendaklah menubuhkan satu Kumpulan Wang bagi memperakaunkan terimaan dari Pemberian Kerajaan Persekutuan bagi tujuan penyenggaraan jalan negeri dan ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 (semakan 1972) (Akta 61) atau mana-mana undang-undang negeri yang berkaitan.

NO SOALAN : 405

Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan peruntukan di bawah Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri kepada Kerajaan Negeri Perak berjumlah 541.7 juta ringgit bagi tahun 2020. Manakala bagi tahun 2021 pula, peruntukan kepada Kerajaan Negeri Perak bagi maksud ini telah meningkat kepada 586.1 juta ringgit.

Berhubung perincian pecahan peruntukan mengikut daerah di Negeri Perak, Yang Berhormat boleh merujuk perkara ini dengan pihak Kerajaan Negeri Perak kerana segala urusan dan tatacara pengagihan peruntukan kepada daerah-daerah berada di bawah kawalan Pegawai Kewangan Negeri Perak selaku Pegawai Pengawal Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Perak.

Sekian, terima kasih.